

Headline	Jemaah diminta elak buat umrah sunat menjelang masyair		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	09 Aug 2018	Color	Black/white
Section	News	Circulation	32,799
Page No	15	Readership	98,397
Language	Malay	ArticleSize	320 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,193
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,578



## Jemaah diminta elak buat umrah sunat menjelang masyair

**MEKAH:** Jemaah haji, terutamanya yang sudah berusia atau menghidap penyakit kronik, dinasihatkan untuk tidak melakukan umrah sunat ketika menjelang waktu wukuf di Padang Arafah.

Ketua Unit Kesihatan Awam Tabung Haji bagi Musim Haji 1439 Hijrah Dr Suhaila Osman berkata ia adalah untuk mengelakkan mereka daripada mendapat penyakit atau masalah yang boleh menjejaskan kesihatan serta menyukarkan ibadah semasa masyair.

“Kesihatan itu sendiri terdiri daripada dua komponen, iaitu pencegahan, yang mana jemaah perlu menjaga kesihatan dan kedua ialah perubatan, apabila jemaah yang berpenyakit dan pergi ke klinik untuk mendapatkan rawatan.

“Kita akan memperkasakan jemaah haji agar mereka tahu bagaimana untuk menjaga kesihatan ketika di tanah suci,” katanya semasa ditemui di sini semalam.



**SOAL JAWAB:** Dr Suhaila menjawab pertanyaan pemberita selepas menyampaikan ceramah berkaitan kesihatan awam kepada para jemaah haji di Maktab 77 di Mekah, semalam. — Gambar Bernama

Bagi membantu jemaah haji mencegah diri daripada penyakit, beliau berkata unit Kesihatan Awam yang terdiri daripada pakar

perubatan awam, jururawat dan penolong pegawai perubatan akan memeriksa buku rekod kesihatan jemaah untuk memastikan kesihatan

mereka berada pada tahap yang baik.

“Kita akan saring (semasa di tanah air), mana-mana jemaah yang ada masalah kesi-

hatan akan melalui pemeriksaan tertentu dan sekiranya mereka mempunyai masalah kesihatan yang serius, mereka akan dirujuk kepada pakar,” katanya.

Dr Suhaila berkata unit ini juga akan menjalankan beberapa sesi ceramah untuk setiap kumpulan jemaah yang tiba di tanah suci bagi mendidik mereka tentang cara-cara menjaga kesihatan semasa berada di sini.

Beliau berkata selain itu, pasukannya akan turut mengadakan lawatan dari bilik ke bilik untuk melihat sendiri keadaan kesihatan jemaah haji, di samping memberi pendidikan kesihatan kepada individu mengikut masalah yang dihadapi.

Suhaila berkata terdapat kes jemaah yang cuba menyembunyikan penyakit mereka daripada pengetahuan pegawai kesihatan kerana khuatir mereka akan dilarang untuk membuat ibadah haji seperti wukuf di Arafah dan melontar di Mina. — Bernama